

25 SEP 2003

Muhyiddin-Islam

KPDNHEP SEDANG KAJI ETIKA PERNIAGAAN USAHAWAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kini sedang dalam proses menilai semula etika serta prinsip-prinsip dan amalan-amalan perniagaan yang dipraktikkan oleh usahawan Islam dalam negara.

"Apa yang kita ingin lakukan ialah mendidik usahawan Islam kita supaya mereka tidak terpengaruh dengan perniagaan yang berteraskan pemikiran logikal manusia dengan mencampur-adukkan perniagaan berteraskan hukum syarak," kata Menteri berkenaan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata umat Islam sering mengiyakan sahaja sesuatu sistem yang ada tanpa melihat semula sistem perniagaan Islam yang sebenar, yang menurutnya adalah kuat, mampan, dan berpaut kepada sistem keadilan yang bersepadu serta menyeluruh dalam semua aspek kehidupan.

"Perniagaan Islam atau usahawan Islam di Malaysia harus dan wajib menjadi usahawan Islam contoh di mata dunia," katanya pada majlis perasmian Modul Latihan Etika Perniagaan Islam di Hotel Pan Pacific di sini hari ini.

Beliau berkata untuk mencapai hakikat ini, usahawan Islam Malaysia harus melakukan perubahan dan pembaharuan dalam perniagaan Islam dan ianya harus menjurus kepada etika perniagaan Islam yang sejati supaya "kita dapat kembalikan kredibiliti, integriti dan juga imej sebagai umat yang terbilang dan disegani oleh seluruh dunia".

"Inilah perubahan berani yang harus kita lakukan. Jika hanya saya dan Kementerian saya sahaja yang melakukannya tanpa sokongan yang padu usahawan Islam, maka ianya menjadi satu angan-angan kosong dan kita akan terus berada di takuk lama," katanya.

Muhyiddin berkata usahawan Islam Malaysia harus bangkit menerima cabaran ini walaupun ianya bukanlah satu cabaran yang mudah untuk dicapai dan usahawan Islam contoh harus diketengahkan dengan nilai-nilai yang boleh diterima pakai oleh pengguna global.

Katanya sejarah membuktikan bahawa dalam dunia perniagaan, umat Islam adalah umat yang paling handal berniaga, tetapi kerana nilai-nilai asal perniagaan Islam dicampur aduk dengan nilai perniagaan ala kebendaan maka wujud kelemahan dalam persaingan, dan musnahlah keagungan perniagaan umat Islam.

"Saya bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di London baru-baru ini yang berkata bahawa Nabi Muhammad s.a.w. telah membawa kepada kita satu agama sahaja iaitu Islam, Tapi hari ini, kita didedah dengan beratus-ratus agama Islam. Ini berlaku kerana umat Islam tidak menghayati ilmu Islam secara sempurna," katanya.

Selain menilai semula etika perniagaan umat Islam Malaysia, Muhyiddin berkata Kementeriannya juga telah mengusahakan satu buku penafsiran semula etika perniagaan Islam yang pragmatik dan dinamik sebagai bahan rujukan, serta satu garis panduan agar penerapan nilai-nilai perniagaan beretika Islam dapat direalisasikan secara bersepadu dan jujur.

-- BERNAMA

SR AHH AZH